

1981

LUMUT, 10 DIS. (BERNAMA)--PANGKALAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DI SINI YANG DISIFATKAN SEBAGAI YANG TERBAIK DI RANTAU INI AKAN DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN--KEMUDAHAN PALING MODEN, TERMASUK SETENGAH DARIPADANYA YANG BELUM LAGI DIGUNAKAN DI BAHAGIAN DUNIA SEBELAH SINI.

KEMUDAHAN ITU TERMASUK ALAT YANG BOLEH MENGATASI TARIKAN BESI BERANI YANG MENGELILINGI KAPAL UNTUK MENCEGAHNYA DARI MENDEKATI BOM LEDAKAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN DI SINI HARI INI BERKATA NEGARA--NEGARA TERDEKAT YANG MEMPUNYAI KEMUDAHAN ITU IALAH INDIA DAN AUSTRALIA.

SELAIN DARI ITU, PANGKALAN TERSEBUT JUGA MEMPUNYAI LAIN--LAIN KEMUDAHAN YANG SOFISTIKATED SEPERTI PANCARAN BUNYI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PANGKALAN BERHARGA \$1,400 JUTA ITU SELAMA LEBIH DARI EMPAT JAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN MENYATAKAN PUAS HATINYA DENGAN KEMAJUAN PEMBINAAN KEMUDAHAN--KEMUDAHAN DI SITU.

WALAUPUN PANGKALAN YANG MELIPUTI KAWASAN SELUAS 1,800 EKAR ITU DIJADUAL BOLEH DICUKUHKAN SEPENUHNYA MENJELANG 1985, BELIAU BERHARAP MATLAMAT ITU BOLEH DIPERCEPATKAN MENJELANG PERTENGAHAN 1984. --BERGAMBUNG 1635/4H

## MAHATHIR-LAUT 2 LUMUT

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN TELAH MEMAWARKAN TENDER BAGI PEMBINAAN SEBUAH LIMBUNGAN BERHARGA 2580 JUTA DI PANGKALAN ITU KEPADA SEBUAH FIRMA JERMAN BARAT.

KERJA PEMBINAANNYA AKAN DIMULAKAN BULAN INI DAN DIJADUALKAN SIAP MENJELANG AKHIR 1984.

APABILA SIAP KELAK, LIMBUNGAN ITU AKAN BERUPAYA MENGENDALIKAN KERJA PEMBAIKAN KAPAL-KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM).

MENGENAI KAPAL BARU BAGI TLDM, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMESAN KAPAL PERANG KLAS CORVETTE (KAPAL-KAPAL YANG LEBIH KECIL DARI FRIGET) DARI JERMAN DAN KAPAL PENCEGAH PERIUKAPI DARI ITALI.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KAPAL PENCEGAH PERIUKAPI YANG SEDANG DIBINA OLEH LIMBUNGAN KAPAL DI SARZANA, ITALI AKAN DIPEROLEHI MENGIKUT JADUAL. --BERSAMBUNG 1715/MD

B607

## MAHATHIR-LAUT 3 LUMUT

ADALAH DILAPORKAN BEBERAPA BULAN LALU BAHAWA KAPAL YANG BERHARGA HAMPPIR 2100 TIAP SATU ITU MUNGKIN TIDAK DAPAT DIHANTAR KERANA DIKATAKAN TIDAK BOLEH MELALUI SEBUAH JAMBATAN RENDAH YANG MERINTANGI SUNGAI MAGRA ANTARA LIMBUNGAN ITALI ITU DENGAN LAUTAN LUS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +TAK MENGAPALAH, KAPAL-KAPAL ITU AKAN DAPAT MELALUI BAWAH JAMBATAN YANG RENDAH ITU+.

DALAM LAWATAN ITU, PERDANA MENTERI TELAH MELAWAT K.D. PELANDUK (PUSAT LATIHAN TLDM), PUSAT-PUSAT LATIHAN KEJURUTERAANNYA, KOMPLEKS PERUMAHAN KAKITANGAN TLDM DAN JUGA JETI DI SITU.

BELIAU JUGA MELAWAT DEWAN MAKAN PARA REKRUT DI MANA BELIAU PERBUAL MESRA DENGAN BEBERAPA ORANG REKRUT YANG SEDANG MAKAN TENGAHARI.

TERDAHULU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMERIKSA SATU PERBARISAN KEHORMATAN TERDIRI DARI 104 ORANG PEGAWAI DAN ANGGOTA DI BAWAH PERINTAH LT. KOM. MOKHTAR ABDUL WAHID.

BELIAU TELAH DIIRINGI OLEH MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT DATUK RICHARD HO YANG JUGA AHLI PARLIMEN LUMUT, TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN ABANG ABU BAKAR, KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN TAN SRI MOHAMAD YUSOF ABDUL RAHMAN DAN PENOLONG PANGlima TENTERA LAUT (TENAGA MANUSIA), LAKSAMANA PERTAMA HARON DATUK DR. SALLEH. --BERNAMA 1725/MD